

A COMPARATIVE ANALYSIS THE APPLICATION OF THE NUMBER OF WITNESSES IN MALAYSIA'S SYARIAH AND CIVIL COURTS

ANALISIS PERBANDINGAN APLIKASI BILANGAN SAKSI DI MAHKAMAH SYARIAH DAN MAHKAMAH SIVIL DI MALAYSIA

ⁱJamadi bin Saleh, ⁱⁱMuhammad Mujiburrahman bin Amir Paisal, ⁱⁱⁱSuhaizad bin Saifuddin

^{i, ii} Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱFakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: salehjamadi@gmail.com

ABSTRACT

Witness testimony constitutes one of the fundamental pillars of Islamic evidentiary law, serving as a primary mechanism for upholding truth and justice. This study aims to examine the concept of testimony (syahadah) and the required number of witnesses in the context of evidentiary law in the Syariah Courts, and to compare its application with that of the Civil Courts in Malaysia. Adopting a qualitative approach through library research and document analysis, this study finds that the Enactment of Evidence for Syariah Courts, which is grounded in Islamic law, prescribes a specific number of witnesses depending on the type of case. In contrast, the Civil Courts, guided by the Evidence Act 1950, do not stipulate any fixed number of witnesses but rather assess testimony based on its credibility and probative value. The uniqueness of Syariah evidentiary law lies in its spiritual dimension, where integrity and moral accountability are reinforced through the mechanism of oath-taking (yamin), ensuring honesty before Allah SWT. Furthermore, the stringent conditions imposed on witnesses — such as being just, truthful, of sound memory, and free from bias elevate the reliability and moral weight of their testimony in the process of proof. On the other hand, the Civil Courts evaluate witness credibility through cross-examination, without specific requirements concerning the number or status of witnesses. Accordingly, the evidentiary framework of the Civil Courts is more flexible and pragmatic, emphasizing the reliability of witnesses, while the Syariah evidentiary system is more cautious and comprehensive, as it integrates both external and spiritual dimensions to ensure the purity and truthfulness of testimony in the pursuit of justice. This study recommends that reforms be undertaken to enhance the Syariah evidentiary framework, including standardizing the application of witness testimony across Syariah Courts in Malaysia.

Keywords: *Syahadah, witness testimony, Syariah Court, Civil Court, number of witnesses.*

ABSTRAK

Keterangan saksi merupakan salah satu asas penting dalam undang-undang keterangan Islam yang berperanan sebagai mekanisme utama untuk menegakkan kebenaran dan keadilan. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konsep kesaksian dan syarat bilangan saksi di Mahkamah Syariah dalam undang-undang keterangan serta perbandingannya dengan Mahkamah Sivil di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada kajian kepustakaan dan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah yang berpandukan kepada hukum syarak menetapkan bilangan saksi tertentu mengikut jenis kes. Manakala Mahkamah Sivil yang berpandukan kepada Akta Keterangan 1950 tidak menetapkan bilangan saksi tertentu, sebaliknya menilai keterangan berdasarkan kebolehpercayaan dan nilai probatif. Keunikan undang-undang keterangan Syariah juga menekankan aspek integriti rohani melalui mekanisme sumpah (yamin) sebagai jaminan kejujuran dan tanggungjawab terhadap Allah SWT. Tambahan pula, syarat ketat terhadap saksi seperti adil, jujur, kuat ingatan dan bebas prasangka menjadikan keterangannya lebih bernilai dalam proses pembuktian. Mahkamah Sivil pula menilai kredibiliti saksi melalui proses pemeriksaan balas tanpa pensyaran khusus terhadap status atau bilangan saksi. Oleh yang demikian, undang-undang keterangan Mahkamah Sivil lebih fleksibel dan praktikal dengan menumpukan kepada kebolehpercayaan saksi, manakala undang-undang keterangan Mahkamah Syariah lebih berhati-hati dan menyeluruh kerana menggabungkan unsur zahir dan spiritual bagi memastikan kemurnian serta kejujuran keterangan dalam usaha menegakkan keadilan. Kajian ini mencadangkan agar penambahbaikan undang-undang keterangan syariah dilaksanakan di samping menyeragamkan aplikasi kesaksian di Mahkamah Syariah di seluruh negeri.

Kata kunci: *Syahadah, Keterangan saksi, Mahkamah Syariah, Mahkamah Sivil, Bilangan saksi.*

Pengenalan

Dalam sistem perundangan, keterangan saksi merupakan elemen utama dalam proses pembuktian dalam perbicaraan. Dalam konteks perundangan Islam, konsep syahadah merujuk kepada keterangan yang diberikan oleh saksi dengan lafaz tertentu serta memenuhi syarat-syarat ketat seperti keadilan, kejujuran, kekuatan ingatan dan kelayakan dari segi syarak. Selain itu, bilangan saksi juga memainkan peranan penting baik di dalam kes mal mahupun kes jenayah. Keperluan ini menunjukkan bahawa undang-undang keterangan Islam amat menitikberatkan pencapaian tahap pembuktian menerusi syarat kesaksian yang khusus sebelum sesuatu sabitan boleh dibuat. Sebaliknya, di Mahkamah Sivil di Malaysia, sistem keterangan yang berpandukan Akta Keterangan 1950 tidak meletakkan had tertentu terhadap jumlah saksi yang diperlukan. Malahan, penilaian nilai probatif saksi tersebut lebih bergantung kepada kredibiliti dan kualiti keterangannya sewaktu perbicaraan tanpa dikaitkan dengan jumlah saksi ataupun syarat khusus kelayakan menjadi saksi seperti yang terdapat di dalam undang-undang keterangan Islam. Perbezaan ketara ini menjadi asas kepada kajian ini bagi membandingkan pemakaian konsep syahadah dan bilangan saksi di Mahkamah Syariah serta Mahkamah Sivil di Malaysia, seterusnya menilai impaknya terhadap keadilan dan keberkesanan proses pembuktian.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep *syahadah* dan keperluan bilangan saksi dalam sistem perundangan Islam serta perbandingannya dengan sistem keterangan di Mahkamah Sivil. Dalam undang-undang keterangan Islam, saksi syahadah mempunyai kedudukan istimewa dan berbeza nilainya dengan keterangan saksi bayyinah yang lain. Syarat-syarat ketat yang dikenakan terhadap saksi syahadah menunjukkan betapa pentingnya elemen keadilan dan kredibiliti dalam menentukan kesahihan sesuatu keterangan. Sebaliknya, sistem keterangan di Mahkamah Sivil di Malaysia pula lebih fleksibel kerana fokus penilaian setiap keterangan saksi adalah berdasarkan nilai probatifnya sewaktu di soal balas, tanpa mengambil kira jumlah saksi dan syarat khusus kelayakan kesaksian seperti yang diamalkan di sistem keterangan Islam. Berdasarkan Akta Keterangan 1950 yang diamalkan di Mahkamah Sivil, selagi keterangan yang diberikan mempunyai kebolehpercayaan dan nilai probatif yang mencukupi, ia akan diterima oleh Mahkamah tanpa memerlukan kepada tambahan saksi lain mahupun pemberat seperti *yamin*. Oleh itu, kajian ini akan membandingkan keperluan jenis kesaksian dan bilangan saksi dalam kedua-dua sistem perundangan ini serta menilai pemakaiannya di Mahkamah Syariah dan juga Mahkamah Sivil di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada kaedah analisis dokumen dan kajian kepustakaan bagi memperoleh maklumat yang relevan serta sahih berkaitan tajuk yang dikaji. Pendekatan ini dipilih kerana ia memberi ruang kepada pengkaji untuk meneliti, menghuraikan dan menilai isu secara mendalam berdasarkan sumber ilmiah dan perundangan yang pelbagai. Sumber utama bagi kajian ini terdiri daripada al-Quran, hadis Nabi SAW, serta prinsip-prinsip fiqh dan undang-undang Syariah yang menjadi asas kepada perbincangan. Undang-undang syariah yang dirujuk di dalam artikel ini ialah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004. Di samping itu, sumber sekunder seperti buku teks akademik, artikel jurnal, kertas kerja seminar, laporan institusi, serta bahan rujukan dalam talian daripada laman web rasmi turut digunakan bagi menyokong hujah dan pandangan yang dikemukakan. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk menilai data yang diperoleh, di mana setiap sumber dikaji dengan teliti bagi mengenal pasti tema-tema utama, prinsip hukum, dan pandangan ulama yang berkaitan dengan topik. Data yang dikumpul kemudiannya disusun secara sistematik untuk memastikan kefahaman yang menyeluruh terhadap isu yang dibincangkan. Selain itu, perbandingan juga dibuat antara pandangan klasik dan kontemporari bagi melihat sejauh mana kesesuaian dan penerapan hukum dalam konteks masyarakat dan perundangan semasa di Malaysia. Melalui metodologi ini, kajian diharap dapat memberikan analisis yang holistik dan berpaksikan sumber sahih bagi menjawab persoalan kajian dengan lebih berkesan.

Sorotan Literatur

Konsep Kesaksian di Menurut Perspektif Islam dan Undang-undang Syariah

Keterangan memainkan peranan yang amat signifikan dalam sistem pembuktian Islam, berfungsi sebagai asas utama dalam mengesahkan fakta serta menegakkan kebenaran dalam sesuatu pertikaian. Di Malaysia, undang-undang keterangan Islam dibangunkan melalui suatu proses perundangan yang unik yang menggabungkan prinsip *fiqh al-ithbat* (pembuktian menurut Islam) dengan kerangka undang-undang moden seperti Akta Keterangan 1950. Pendekatan hibrid ini mewujudkan keseimbangan antara nilai-nilai tradisional Syariah dan keperluan kehakiman kontemporari, dengan matlamat memastikan setiap keterangan yang dikemukakan bersifat sahih, berautoriti dan adil (Suhaizad, Mohd Zamre, Fatimah Yusro, Pg Ismail & Abdul Jamil, 2025). Selain itu, peranan undang-undang keterangan turut memastikan keseragaman tatacara penerimaan bukti, mengelakkan kekeliruan prosedur, serta menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat. Pembuktian yang kukuh bukan sahaja menjadi asas dalam menentukan bersalah atau tidaknya seseorang tertuduh, tetapi juga memperkukuh keyakinan mahkamah terhadap kebenaran fakta yang dibentangkan. Tanpa kerangka pembuktian yang jelas dan tersusun, sesuatu keputusan perbicaraan berisiko dipengaruhi oleh andaian, bukti lemah, atau penilaian subjektif, sekali gus menjejaskan integriti serta kredibiliti sistem kehakiman Syariah (Suhaizad, Fatimah Yusro, Mohd Zamre & Asma Hakimah, 2025).

Apabila kita membincangkan berkenaan dengan pembuktian melalui saksi di dalam sesuatu kes jenayah ataupun mal di dalam undang-undang keterangan Islam, bilangan saksi adalah merupakan suatu keperluan yang dinyatakan secara khusus sama ada menerusi dalil naqli mahupun di dalam peruntukan Enakmen Keterangan. Jumlah saksi yang dikehendaki pula adalah berbeza-beza mengikut sesuatu kes. Contohnya, bagi pertuduhan zina di bawah hukum hudud, jumlah saksi yang disyaratkan adalah seramai empat orang lelaki mengikut nas di dalam al-Quran. Ini jelas dinyatakan menerusi dua ayat. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

وَالَّذِي يَأْتِيَنَّ الْفَاحِشَةَ مِنْ نِسَائِكُمْ فَاسْتَشْهِدُوا عَلَيْهِنَّ أَرْبَعَةً مِنْكُمْ فَإِنْ شَهِدُوا فَأَمْسِكُوهُنَّ فِي الْبُيُوتِ حَتَّى يَتَوَقَّلَهُنَّ الْمَوْتُ أَوْ يَجْعَلَ اللَّهُ لَهُنَّ سَبِيلًا

Terjemahan: Dan sesiapa yang melakukan perbuatan keji (zina) di antara perempuan-perempuan kamu, maka carilah empat orang lelaki di antara kamu yang menjadi saksi terhadap perbuatan mereka. Kemudian kalau keterangan-keterangan saksi itu mengesahkan perbuatan tersebut, maka kurunglah mereka (Perempuan yang berzina itu) dalam rumah sehingga mereka sampai ajal matinya, atau sehingga Allah mengadakan untuk mereka jalan keluar (dari hukuman itu).

(Surah An-Nisa', 15)

وَالَّذِينَ يَرْمُونَ الْمُحْصَنَاتِ ثُمَّ لَمْ يَأْتُوا بِأَرْبَعَةِ شُهَدَاءَ فَاجْلِدُوهُمْ ثَمَانِينَ جَلْدَةً وَلَا تَقْبَلُوا لَهُمْ شَهَادَةً أَبَدًا ۚ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Terjemahan: Dan orang-orang yang melemparkan tuduhan zina kepada perempuan yang terpelihara kehormatannya, kemudian mereka tidak membawakan empat orang saksi, maka sebatlah mereka lapan puluh kali sebat, dan janganlah kamu menerima persaksian mereka itu selama-lamanya, kerana mereka adalah orang-orang yang fasik

(Surah An-Nur, 4)

Syarat empat orang saksi yang diperlukan di dalam kes hudud perzinaan adalah syarat mandatori yang wajib dipenuhi di mana kegagalan untuk membawa empat orang saksi mengikut kualiti saksi yang ditetapkan (i.e hendaklah kesemua saksi-saksi tersebut mencapai tahap saksi syahadah) akan membuatkan pertuduhan itu gagal dibuktikan. Malahan, hukuman qazaf pula akan dikenakan terhadap mereka yang menuduh seperti yang dinyatakan di dalam ayat tersebut.

Di sudut yang lain pula, kita akan melihat syarat jumlah saksi yang berbeza pada kes yang berlainan seperti di dalam pertikaian mal. Contohnya di dalam Hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Asy'ath bin Qays di mana beliau berkata:

Terjemahan: Berlaku pertikaian antara aku dengan seorang lelaki tentang sebuah perigi, lalu kamu mengangkat pertikaian itu kepada Rasulullah SAW, maka Baginda bersabda "Dua orang saksi (kalau tidak) dia akan bersumpah". Lalu aku berkata: "Kalau begitu (sudah tentu) dia akan bersumpah dan tidak peduli (benar atau dusta)". Maka Rasulullah SAW bersabda: "Sesiapa yang bersumpah dengan sesuatu sumpah yang dengannya dia akan mendapat sesuatu harta, sedangkan ia berdusta dalam sumpah itu nescaya ia akan bertemu Allah SWT dalam keadaan mendapat kemurkaan dariNya" (Riwayat Ibn Hajar).

Di dalam situasi ini pula, syarat pertama di dalam pembuktian sesuatu hak yang melibatkan pertikaian peribadi adalah dua orang saksi, namun syarat ini tidaklah membatalkan tuntutan sekiranya tidak dipenuhi kerana kegagalan mengemukakan dua orang saksi tersebut masih boleh diselamatkan dengan cara bersumpah untuk mendapatkan hak yang dituntunya itu. Jika dilihat di dalam pembuktian dokumen keberhutangan pula, Allah SWT menetapkan dua orang lelaki sebagai saksinya, yang mana jika tidak dapat boleh digantikan dengan dua orang perempuan bagi seorang saksi lelaki yang tiada menerusi firman-Nya yang bermaksud:

Dan hendaklah kamu mengadakan dua orang saksi lelaki dari kalangan kamu. Kemudian kalau tidak ada saksi dua orang lelaki, maka bolehlah, seorang lelaki dan dua orang perempuan dari orang-orang yang kamu setuju menjadi saksi, supaya jika yang seorang lupa dari saksi-saksi perempuan yang berdua itu maka dapat diingatkan oleh yang seorang lagi

(Surah al-Baqarah, 282)

Menariknya di dalam ayat ini, Allah SWT memberikan sebab kenapa dua orang perempuan diperlukan sekiranya seorang saksi lelaki tidak dapat diperolehi, di mana jumlah dua orang saksi perempuan bagi seorang saksi lelaki yang tiada tersebut adalah untuk tujuan saling memperingati sekiranya salah seorang daripada kedua-dua saksi perempuan itu terlupa.

Kesaksian atau "*Syahadah*" adalah satu ciri istimewa yang hanya wujud di dalam undang-undang keterangan Islam, dan tiada digunakan di undang-undang keterangan di bawah Mahkamah Sivil. Syahadah itu sendiri merujuk kepada keterangan yang dibuat dengan lafaz '*asyhadu*' seperti yang didefinisikan di bawah Seksyen 3 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004. Namun, untuk melayakkan seseorang saksi itu mencapai tahap saksi syahadah, penggunaan lafaz '*asyhadu*' sahaja tidaklah mencukupi kerana beliau hendaklah juga memiliki ciri-ciri khusus yang ditetapkan oleh

Syarak (Noor, 2008) seperti yang telah direkodkan secara statut di dalam keseluruhan peruntukan di bawah Seksyen 83, seperti ringkasan berikut:

- (a) Beragama Islam;
- (b) Berakal;
- (c) Baligh;
- (d) Adil;
- (e) Mempunyai ingatan yang baik;
- (d) Tidak berprasangka.

Tiga ciri terakhir yang disenaraikan pada butiran keempat sehingga keenam di atas adalah merujuk kepada status kredibiliti saksi syahadah itu di mana, ketiga-tiga syarat tersebut jika dimiliki akan meletakkan ketinggian martabat dan juga nilai probatif kesaksiannya di dalam mahkamah sebagai berdiri sendiri tanpa memerlukan sebarang sokongan daripada bukti-bukti lain. Contohnya di dalam kes zina di bawah hukum hudud, biarpun kesalahan ini tidak dijenayahkan di bawah Enakmen Jenayah Syariah mengikut kehendak syarak di bawah hukum hudud, namun sebagai perbincangan berkenaan dengan isu ini, kita akan melihat bahawa syarat yang dikenakan syarak bagi mensabitkan hukuman ini adalah empat orang saksi lelaki yang mencapai tahap kredibiliti saksi syahadah seperti yang dicirikan di atas tadi (Mohd Rapin & Md Noor, 2016). Maknanya, keempat-empat saksi lelaki tersebut hendaklah memiliki kesemua syarat-syarat kredibiliti saksi syahadah yang membolehkan pertuduhan zina itu dapat dibuktikan pada tahap yakin i.e 100% tanpa adanya sebarang keraguan langsung. Apabila kredibiliti saksi sedemikian dimiliki, keempat-empat saksi lelaki tersebut adalah bertaraf syahadah dan kesaksian mereka adalah cukup untuk mencapai tahap pembuktian sabitan tanpa perlunya lagi kepada sokongan bukti-bukti lain.

Apa yang sukarnya bagi tujuan ini adalah, ianya bukan hanya setakat mensyaratkan seorang saksi lelaki dengan kredibiliti syahadah sahaja, malahan jumlahnya hendaklah seramai empat orang yang kesemuanya wajib untuk memiliki kredibiliti penuh yang sama. Malahan ianya juga disyaratkan lagi bahawa keempat-empat saksi lelaki tersebut hendaklah melihat kejadian zina itu pada waktu yang sama dan mereka juga hendaklah sama-sama hadir pada waktu yang sama untuk memberikan keterangan di mahkamah (Ismail, 2008). Sebegitu, nilai probatif kesemua keempat-empat saksi syahadah ini, jika berjaya diperolehi dengan jumlah saksi berserta kredibiliti yang disyaratkan syarak tadi, pastinya cukup untuk melepasi beban pembuktian pertuduhan zina pada tahap yang dituntut undang-undang jenayah Islam, tanpa perlunya keterangan daripada bukti-bukti lain.

Jikalau kita boleh memberikan analogi betapa kukuh dan tingginya nilai probatif kesemua empat saksi syahadah itu dengan konteks semasa, kami boleh nyatakan bahawa keterangan keempat-empat mereka adalah jauh lebih terang dan kukuh jika dibandingkan dengan rakaman empat CCTV dengan resolusi definisi tertinggi yang merakam suatu perbuatan zina secara serentak dengan jarak yang dekat berserta rakaman yang terlalu jelas, terang dan tidak terputus-putus. Oleh itu, apabila saksi syahadah yang empat ini lagi tinggi nilainya daripada rakaman empat CCTV pada kualiti terbaik tersebut, sudah tentu kita tidak lagi memerlukan kepada sebarang bukti sokongan tambahan untuk menyokongnya lagi. Sedemikian sukarnya untuk mencapai tahap pembuktian empat saksi syahadah tersebut, tidak dapat ditemui dalam sejarah undang-undang jenayah Islam yang pernah merekodkan pembuktian kes zina secara hudud melalui cara pembuktian empat orang saksi syahadah dari zaman Baginda Nabi SAW sehingga kini melainkan dengan cara selainnya seperti iqrar dan *qarinah*.

Justeru, betapa pentingnya syarat-syarat kredibiliti yang khusus tersebut untuk dimiliki oleh setiap saksi syahadah sehinggakan, sesiapa yang memberikan keterangan dengan lafaz '*asyhadu*' tetapi tidak mencapai tahap kredibiliti tadi, akan menjatuhkan keterangannya kepada setakat saksi bayyinah sahaja (Mohd Rapini & Md Noor, 2016). Ini bermakna, tarafnya adalah sebagai salah satu keterangan bayyinah sahaja yang memerlukan kepada bukti-bukti lain untuk menyokongnya. Syahadah itu juga sebenarnya adalah salah satu daripada bayyinah, tetapi di dalam konteks perbincangan subtopik ini, kami merujuk kepada tahap ketinggian nilai probatif keterangan syahadah itu di atas kesemua jenis-jenis keterangan lain di dalam kelompok bayyinah yang terdapat di dalam undang-undang keterangan Islam.

Oleh yang demikian, bagi menentukan syarat adil itu wujud dimiliki oleh mana-mana saksi yang telah memberikan keterangan dengan lafaz '*asyhadu*', saksi tersebut hendaklah diperiksa keadilannya sekiranya hakim mempunyai alasan untuk mempercayai saksi itu sebagai tidak adil. Ini diperuntukkan secara khusus di bawah Seksyen 119 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004n seperti berikut:

“Jika seseorang saksi telah memberikan keterangannya melalui syahadah dan Hakim mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa dia tidak ‘adil, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya saksi itu diperiksa sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini”.

Ini bermakna, jika siasatan tersebut mendapati beliau tidak adil, statusnya sebagai saksi syahadah akan jatuh kepada saksi bayyinah sahaja seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 83(3) yang menyatakan:

“Seseorang yang tidak ‘adil ialah kompeten untuk memberikan Bayyinah tetapi tidak kompeten memberi syahadah”.

Konsep kesaksian di Mahkamah Sivil

Jika dibandingkan dengan undang-undang keterangan di Mahkamah Sivil pula, syarat-syarat khusus yang dikenakan syarak terhadap saksi syahadah tidak wujud di dalam Akta Keterangan 1950. Kebolehterimaan saksi seperti mana yang termaktub dalam Seksyen 118 Akta Keterangan 1950 hanyalah disyaratkan seperti berikut:

“Semua orang adalah berwibawa untuk memberikan keterangan melainkan jika mahkamah berpendapat bahawa mereka tidak boleh memahami soalan yang dikemukakan kepada mereka atau tidak dapat memberikan jawapan yang rasional kepada soalan itu oleh sebab umur terlalu muda, terlalu tua, penyakit, sama ada penyakit tubuh atau penyakit otak, atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya.”

Menurut seksyen ini, semua individu berwibawa untuk memberikan keterangan di mahkamah. Namun, pengecualian diberikan kepada mereka yang tidak dapat memahami soalan atau memberikan jawapan yang rasional disebabkan faktor tertentu seperti umur yang terlalu muda atau terlalu tua, penyakit tubuh atau otak, serta keadaan lain yang seumpamanya.

Manakala bagi tujuan kredibiliti saksi, ia hanyalah ditentukan melalui proses pemeriksaan balas sewaktu perbicaraan, di mana konsep yang sama juga dipakai di Mahkamah Syariah (Rapini, 2018). Ini bermakna, undang-undang keterangan Islam meletakkan syarat tambahan yang tinggi untuk tujuan menyaring kredibiliti sesuatu saksi yang bukan hanya melalui proses pemeriksaan balas, malahan juga di dalam menentukan taraf status saksi itu sama ada dia adalah saksi syahadah atau bayyinah bergantung kepada pemilikan syarat-syarat khusus di atas tadi terutamanya syarat kredibiliti yang telah kami bincangkan tersebut.

Sedemikian halnya, undang-undang keterangan Islam juga mensyaratkan lagi jumlah bilangan tertentu bagi saksi-saksi yang diperlukan untuk melepasi tahap pembuktian mengikut kes-kes yang tertentu, seperti yang akan kami bincangkan di bawah ini. Malahan, pada ketika di mana jumlah saksi tersebut tidak dapat dicapai, undang-undang keterangan Islam juga mensyaratkan sumpah *yamin* untuk diambil daripada pihak-pihak, sebagai pemberat kepada keterangan daripada saksi yang kurang jumlahnya tersebut (Zulkifli, 2018). Ciri-ciri ini adalah sesuatu yang istimewa di dalam undang-undang keterangan Islam bagi memastikan kebolehpercayaan keterangan daripada saksi-saksi yang dibawa ke Mahkamah berserta keterangan pihak-pihak yang bertelingkah dapat dicapai pada tahap pembuktian yang dihasratkan syarak, iaitu sangkaan kuat '*zan al-ghalib*' bagi kes-kes jenayah takzir dan juga kes mal pada peraturan-peraturan tahap yang sesuai mengikut jenis kes-kes tadi. (Saifuddin, 2021).

Perbincangan dan Dapatan

Analisis kesaksian dan bilangan saksi di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil

Di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Seksyen 86 menyatakan secara khusus akan peruntukan berkaitan bilangan saksi, seperti berikut:

- (1) Dakwaan oleh seseorang yang dikenali sebagai kaya bahawa dia telah menjadi papa tidaklah mencukupi untuk membuktikan dakwaannya kecuali jika ia disokong oleh keterangan tiga orang saksi lelaki.
- (2) Dalam hal melihat anak bulan, keterangan seorang lelaki yang ‘adil adalah mencukupi untuk membuktikan fakta itu.
- (3) Keterangan seorang lelaki hendaklah menjadi bukti yang mencukupi dalam keadaan yang berikut
 - (a) keterangan seorang guru dalam hal yang melibatkan murid sekolah;
 - (b) keterangan pakar dalam menilai barang rosak;
 - (c) keterangan mengenai penerimaan dan penolakan saksi;
 - (d) pemberitahuan mengenai pemecatan wakil;
 - (e) keterangan tentang kecacatan dalam mana barang bagi jualan.
- (4) Keterangan seorang perempuan adalah mencukupi untuk membuktikan apa-apa fakta yang biasanya dilihat oleh atau dalam pengetahuan seorang perempuan.
- (5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.’

Jika dilihat kepada peruntukan Seksyen 86 tersebut, jumlah saksi yang diperlukan untuk tujuan pembuktian adalah berbeza-beza mengikut apa yang dituntut atau apa yang ingin dibuktikan. Namun, di akhir peruntukan tersebut pula iaitu di Subseksyen (5) Seksyen 86, ia dinyatakan juga bahawa selain daripada jumlah saksi yang telah dinyatakan pada Subseksyen (1) sehingga (4) Seksyen 86 tersebut, jumlah saksi untuk kes selainnya adalah seramai dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan. Frasa yang digunakan di dalam Subseksyen ini adalah ‘*keterangan hendaklah diberikan*’ yang membawa maksud kaedah pembuktian melalui saksi pada jumlah yang disyaratkan tersebut sepatutnya hendaklah wajib diikuti. Bagaimanapun, adakah ini sesuatu syarat yang ‘*fatal*’ yang akan menjadikan sesuatu tuntutan itu sebagai gagal untuk dibuktikan sekiranya saksi yang dibawa adalah kurang daripada jumlah yang dinyatakan di dalam Subseksyen ini?

Jika dilihat secara terasing hanya berpandukan kepada frasa ‘*keterangan hendaklah diberikan*’ pada Subseksyen (5) tersebut, sudah pasti ia adalah suatu keperluan yang mandatori kerana perkataan yang digunakan adalah ‘*hendaklah*’ dan bukannya ‘*bolehlah*’. Namun, apabila dibaca dengan beberapa peruntukan sesudahnya, iaitu Seksyen 87 dan juga Seksyen 88, kita akan melihat bahawa di dalam Seksyen 87 contohnya, jumlah saksi tidak pula dinyatakan secara khusus tetapi sebaliknya ia memperuntukan bahawa kedua-dua plaintif dan defendan hendaklah masing-masing memberikan keterangan di dalam kes mal dan sebegitu juga di dalam kes jenayah, di mana pendakwa dan juga tertuduh juga hendaklah masing-masing memberikan keterangan. Mengikut definisi saksi di dalam Seksyen 3 Enakmen Keterangan, ia secara khusus menyatakan bahawa plaintif, defendan dan orang tertuduh bukanlah saksi. Oleh itu, situasi di dalam Seksyen 87(1) adalah merujuk kepada keterangan yang diberikan oleh plaintif atau defendan sendiri tanpa disokong dengan keterangan saksi. Justeru, untuk memberi pemberat kepada keterangan mereka, Subseksyen (2) Seksyen 87 membenarkan defendan terlebih dahulu untuk bersumpah *yamin* yang mana jika beliau bersumpah, tuntutan plaintif terhadapnya akan ditolak. Walau bagaimanapun, sekiranya defendan enggan bersumpah, mahkamah pula boleh meminta plaintif untuk bersumpah di mana sekiranya plaintif bersumpah, tuntutan terhadap defendan pula akan dibenarkan. Di dalam situasi ini, sumpah *yamin* akan menjadi pemberat kepada keterangan defendan atau plaintif dan sumpah itu, jika dibuat seperti penggiliran yang

ditentukan di dalam Subseksyen (2) itu akan menjadi penentu sama ada tuntutan plaintif akan ditolak atau dibenarkan.

Manakala di dalam Seksyen 88 pula, ia dinyatakan bahawa jika plaintif hanya mengemukakan seorang saksi sahaja di dalam kes mal, maka keterangan saksi tunggal plaintif itu hanya boleh diterima sekiranya ia diberikan bersama dengan sumpah *yamin* plaintif. Ini bermaksud, situasi di bawah Seksyen 88 ini berlainan sedikit dengan situasi di dalam Seksyen 87(1) di atas kerana di dalam Seksyen 88, keterangan adalah diberikan oleh plaintif dan seorang saksinya sahaja. Oleh itu, ia masih lagi tidak mencukupi jumlah bilangan saksi yang diperlukan di bawah Seksyen 86(5) tadi, yang mensyaratkan dua orang saksi lelaki. Maka bagi situasi di bawah Seksyen 88(1) ini, kekurangan jumlah saksi itu memerlukan kepada pemberat secara sumpah oleh plaintif bagi membolehkan kebolehterimaan keterangan saksi plaintif tadi.

Kajian ini mendapati, peruntukan berkenaan dengan jumlah saksi yang disyaratkan secara khusus di dalam undang-undang keterangan Islam adalah merupakan suatu ciri khas (*'special feature'*) yang hanya wujud di dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, dan ia tidak ada di dalam Akta Keterangan 1950 yang diamalkan di Mahkamah Sivil. Malahan sebaliknya pula, Akta Keterangan 1950 yang digunapakai oleh Mahkamah Sivil secara khusus menyatakan di dalam Seksyen 134 peruntukannya bahawa tiada sebarang syarat berapakah jumlah saksi yang diperlukan untuk membuktikan sesuatu fakta. Seksyen 134 itu berbunyi: *'Tiada bilangan tertentu bagi saksi dikehendaki dalam mana-mana kes untuk membuktikan mana-mana fakta.'* Peruntukan di bawah Seksyen 134 Akta Keterangan ini adalah bersandarkan kepada prinsip keterangan undang-undang di Mahkamah Sivil yang menyatakan bahawa *'kesaksian itu bukanlah dikira, tetapi ia adalah ditimbang berat keterangannya'* seperti yang telah dirujuk di dalam penghakiman kes *Pendakwa Raya v Kirubakaran a/l Annadhurai* [2020] MLJU 1080.

Ini bermakna, di bawah Akta Keterangan 1950 jumlah saksi bukanlah perkara wajib di dalam menentukan pembuktian sesuatu tuntutan, kerana apa yang penting adalah nilai probatif yang boleh dicapai oleh seseorang saksi itu sewaktu memberikan keterangannya di Mahkamah. Namun, sekiranya nilai probatif saksi tersebut memerlukan sokongan (*'corroboration'*) daripada saksi lain, maka di dalam situasi ini kehadiran keterangan sokongan (*'corroborative evidence'*) melalui saksi lain adalah membantu untuk memberatkan nilai probatif saksi tersebut. Oleh itu, di dalam undang-undang keterangan di Mahkamah Sivil, penentuan berapakah jumlah saksi bukanlah disyaratkan secara khusus seperti di dalam undang-undang keterangan Islam, tetapi apa yang diutamakan adalah persoalan kecukupan sesuatu pembuktian yang ditentukan oleh nilai probatif saksi tersebut adakah ia sudah memadai untuk melepasi tahap beban pembuktian yang dikenakan.

Contohnya, jika nilai probatif seorang saksi sudah mencukupi untuk membuktikan kesemua elemen kausa tindakan di dalam suatu tuntutan, maka keterangannya itu sendiri adalah memadai untuk pembuktian dan oleh itu, ia tidak lagi memerlukan kepada saksi tambahan untuk menyokongnya. Sebaliknya, jika nilai probatif sepuluh orang saksi adalah lemah ataupun tidak bernilai langsung, maka jumlah bilangan kesepuluh orang saksi tersebut tidak akan boleh membantu untuk memberikan ataupun memberatkan nilai probatifnya, dan ianya juga tidak akan mampu untuk mematahkan nilai probatif saksi pihak lawan yang seorang tadi kerana, biarpun hanya seorang, nilai probatifnya adalah mencukupi. Perkara ini sudah dijelaskan di dalam kes *Ghasem Hozouri Hassan v PP* [2018] 4 MLRA 169 oleh Mahkamah Persekutuan Malaysia seperti berikut: *"The prosecution only needs to produce witnesses who are necessary in unfolding of its complete narrative, that is, to prove the essential elements of the crime...This court had succinctly laid down that witnesses for the prosecution are indispensable only insofar as they are necessary in establishing a prosecution's case beyond reasonable doubt...In the end, it is the sufficiency of the evidence that matters"*

Di dalam kes *MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun* [1995] 2 MLJ, Mahkamah Rayuan Malaysia menerusi penghakiman yang diberikan oleh Gopal Sri Ram juga telah menekankan betapa bilangan saksi adalah tidak diperlukan untuk membuktikan sesuatu fakta, dan jika seorang saksi sahaja sudah mencukupi untuk tujuan tersebut maka mahkamah boleh menerima keterangan saksi tunggal itu sebagai memadai sekiranya keterangan saksi tersebut adalah dipercayai untuk membuktikan sesuatu fakta. Beliau juga menekankan bahawa memanggil saksi tambahan tidaklah dilarang tetapi jika saksi

tunggal itu sudah mencukupi dan dipercayai, maka tiada lagi keperluan untuk sebarang saksi sokongan bagi menguatkan keterangan saksi tunggal tersebut: *“As I earlier said, the respondent was the only witness called to prove his case. The learned judge appears to have accepted that evidence. In my judgment, based on the authorities referred to, there was no necessity for the respondent to call other witnesses to prove his general damages. He may have reinforced his case by calling other persons. He took the risk of not doing that. As it happened, he was proved right”*.

Malahan, pendekatan kecukupan pembuktian waima oleh seorang saksi tunggal jika ia mempunyai nilai probatif yang mencukupi telah dinyatakan lagi di dalam kes *Ram August Tewari & Ors v Bindeshwari Tewari & Ors AIR 1972 Pat 142*. Di dalam kes ini mahkamah telah menekankan betapa keterangan seseorang saksi itu dinilai berdasarkan meritnya dan sekiranya tiada sebab untuk tidak mempercayai keterangannya, maka keterangan saksi tunggal itu sudah mencukupi untuk membuktikan sesuatu fakta biarpun tiada saksi lain yang dibawa untuk menyokong keterangannya tadi: *“The evidence of every witness is to be judged on its own merits and if there is nothing in his evidence or in the evidence of other witnesses examined in the case to discredit him, it cannot be disbelieved on the ground that there is only one witness on the point and no other witness has been examined to support him”*.

Akta Keterangan 1950 adalah digubal berpandukan kepada Akta Keterangan di India yang mengkodifikasikan undang-undang ‘common law’ (Suhaizad, Hanifah, Mohamad Azhan, Mohamad Rizal & Fatimah Yusro, 2024). Kedua-dua akta ini memberikan peruntukan yang sama di dalam perkara ini di mana tiada bilangan saksi yang disyaratkan untuk membuktikan sesuatu fakta. Malahan, sebab kenapa tiada keperluan sedemikian dikenakan di dalam undang-undang keterangan di mahkamah sivil adalah untuk memastikan bahawa pentadbiran sistem keadilan tidak akan dibataskan hanya kerana adanya keperluan bilangan saksi yang khusus untuk sesuatu pembuktian dan perkara ini direkodkan secara sebulat suara oleh Mahkamah Agong di India di dalam kes *Vadivelu Thevar v State of Madras AIR 1957 SC 614*: *‘The section enshrines the well-recognized maxim that “evidence has to be weighed and not counted”. Our legislature has given statutory recognition to the fact that administration of justice may be hampered if a particular number of witnesses were to be insisted upon.’*

Satu lagi perbezaan yang ketara di dalam konteks bilangan saksi di antara undang-undang keterangan yang terpakai di Mahkamah Sivil dan juga Mahkamah Syariah adalah berkenaan dengan pengiktirafan pihak-pihak di dalam pertikaian sebagai saksi. Enakmen Keterangan yang digunakan di Mahkamah Syariah secara jelas mengecualikan plaintif, defendan dan orang tertuduh di dalam definisi saksi mengikut Seksyen 3. Ini bermakna, di dalam undang-undang keterangan Islam, saksi adalah merujuk kepada individu selain daripada pihak-pihak di dalam pertikaian. Sebagitu, apabila Enakmen Keterangan pada Seksyen-seksyen berkenaan dengan bilangan saksi seperti yang sudah dirujuk di atas mensyaratkan lagi kepada jumlah tertentu saksi bagi sesuatu tuntutan, maka jumlah individu yang akan memberikan keterangan di dalam Mahkamah Syariah adalah pihak yang menuntut atau yang dituntut itu sendiri, bersama lagi dengan saksi masing-masing pada jumlah yang disyaratkan pula. Manakala, jika dibandingkan dengan undang-undang keterangan di Mahkamah Sivil, pihak-pihak itu sendiri adalah merupakan saksi di dalam kes mereka, dan jika mereka tidak memanggil saksi lain selain diri mereka sendiri, keterangan mereka itu jika dipercayai dan mencukupi adalah sudah memadai untuk membuktikan tuntutan atau pembelaannya, mengikut kes mereka masing-masing. Ini bermakna, jika menggunakan undang-undang keterangan Islam sebagai kayu pengukur di dalam situasi jumlah saksi di dalam Mahkamah Sivil tadi, kes itu adalah diputuskan tanpa adanya sebarang saksi langsung kerana di dalam undang-undang keterangan Islam, pihak-pihak yang memberikan keterangan bukanlah dikira sebagai saksi. Perbandingan yang amat ketara di antara kedua-dua peruntukan di dalam Enakmen Keterangan dan juga Akta Keterangan berkenaan dengan perkara ini boleh dilihat seperti berikut:

Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Sabah) 2004), mendefinisi saksi di bawah Seksyen 3:

“Saksi’ tidak termasuk plaintif, defendan dan orang tertuduh”.

Sementara itu, peruntukan Seksyen 120 Akta Keterangan 1950 pula menyatakan bahawa:

Pihak-pihak dalam guaman sivil dan isteri dan suami

- (1) Dalam semua prosiding sivil, pihak-pihak guaman itu, dan suami atau isteri kepada mana-mana pihak dalam guaman itu, ialah saksi berwibawa.

(2) Dalam prosiding jenayah terhadap mana-mana orang, suami atau isteri orang itu masing-masingnya saksi berwibawa.

(3) Dalam prosiding jenayah, tertuduh ialah saksi berwibawa bagi pihak dirinya sendiri, dan boleh memberikan keterangan mengikut cara yang sama dan dengan kesan dan akibat yang sama seperti mana-mana saksi lain:

Dengan syarat bahawa, setakat yang pemeriksaan balas itu berhubung dengan kebolehpercayaan tertuduh itu, mahkamah boleh menghadkan pemeriksaan balas itu setakat yang difikirkannya wajar, walaupun pemeriksaan balas yang dicadangkan itu mungkin boleh dibenarkan dalam hal mana-mana saksi lain.

Isu dan Cadangan Penambahbaikan

Terdapat isu ketidakseragaman pemakaian syahadah di setiap negeri. Terdapat negeri yang menetapkan supaya saksi melafazkan “asyhadu” sebagaimana diperuntukkan di dalam undang-undang, manakala terdapat negeri yang tidak meminta saksi melafazkan lafaz “asyhadu” yang mana boleh menyebabkan tahap syahadah berubah kepada *bayyinah*.

Di samping itu, berdasarkan seksyen 86 (5) yang memperuntukkan:

“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan”.

Berdasarkan seksyen ini kes selain dari yang ditetapkan pada seksyen 86(1) hingga (4), wajib mengemukakan 2 orang dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan. Sekiranya tidak mencukupi bilangan tersebut maka kesaksian ditolak, sedangkan Islam mengharuskan sebarang keterangan lain untuk dikemukakan yang mana boleh diterima sebagai *bayyinah*. Oleh ini peruntukan ini perlu dipinda dengan menukar perkataan “hendaklah” kepada “bolehlah”.

Oleh yang demikian, perlu ada penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada agar ia lebih selaras dengan kehendak maqasid syariah serta dapat menangani cabaran dan keperluan masyarakat moden.

Ketiga, penyelidikan lanjut disarankan untuk dijalankan secara lebih mendalam dengan melibatkan pendekatan lapangan (*field study*) seperti temu bual bersama pihak berautoriti, pegawai mahkamah, peguam syarie, dan masyarakat awam bagi mendapatkan pandangan praktikal tentang pelaksanaan hukum tersebut di lapangan.

Selain itu, kerjasama antara institusi fatwa, akademik, dan badan penguatkuasaan juga perlu diperkukuhkan bagi memastikan keseragaman tafsiran dan pelaksanaan undang-undang di seluruh negeri. Akhir sekali, masyarakat Islam perlu digalakkan untuk lebih memahami dan menghayati prinsip Syariah melalui pendidikan berterusan serta penerapan nilai-nilai Islam dalam kehidupan seharian. Melalui langkah-langkah ini, diharapkan isu-isu yang dibincangkan dalam kajian ini dapat ditangani dengan lebih efektif dan memberikan manfaat yang berterusan kepada umat Islam di Malaysia. Pertama, pihak berautoriti seperti Jabatan Kehakiman Syariah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri, dan institusi pendidikan tinggi wajar mempergiat program kesedaran serta bengkel ilmiah bagi memberi pendedahan kepada masyarakat tentang prinsip dan aplikasi undang-undang Syariah dalam konteks semasa.

Melalui langkah-langkah penambahbaikan ini, diharapkan isu-isu yang dibincangkan dalam kajian ini dapat ditangani dengan lebih berkesan, serta memperkukuh integriti dan keseragaman sistem keadilan Syariah di Malaysia sesuai dengan tuntutan maqasid syariah dan realiti masyarakat moden.

Kesimpulan

Kesimpulannya, kajian ini menegaskan bahawa sistem pembuktian melalui keterangan saksi di Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil Malaysia mempunyai pendekatan dan falsafah tersendiri dalam menegakkan keadilan. Mahkamah Syariah menekankan aspek ketat dari segi bilangan, kredibiliti dan integriti saksi berasaskan prinsip Syariah yang berpaksikan kejujuran dan ketakwaan kepada Allah SWT. Keperluan syarat seperti empat saksi lelaki bagi kes hudud, dua saksi bagi tuntutan harta, serta mekanisme sumpah *yamin* membuktikan bahawa undang-undang keterangan Islam memberi penekanan terhadap keutuhan moral dan dimensi spiritual dalam memastikan kebenaran sejati. Sebaliknya, Mahkamah Sivil yang berpandukan Akta Keterangan 1950 lebih menumpukan kepada aspek kebolehpercayaan dan nilai probatif, tanpa had bilangan saksi yang tetap. Pendekatan ini menjadikan sistem sivil lebih fleksibel dan praktikal, khususnya dalam konteks pentadbiran keadilan moden. Namun, perbandingan kedua-dua sistem ini memperlihatkan keperluan untuk penambahbaikan dalam undang-undang keterangan Syariah agar lebih responsif terhadap cabaran semasa, tanpa menjejaskan prinsip asas Syariah. Ini termasuk cadangan bagi menyeragamkan pelaksanaan konsep *syahadah* di seluruh negeri, memperhalusi istilah perundangan seperti “hendaklah” kepada “bolehlah” dalam peruntukan bilangan saksi, serta memperkukuh latihan dan kefahaman hakim serta pegawai kehakiman terhadap prinsip *maqasid syariah*. Secara keseluruhannya, sistem pembuktian Syariah menunjukkan keunikan tersendiri kerana ia bukan sahaja menilai bukti zahir tetapi turut menekankan dimensi rohani dan moral, menjadikannya satu sistem yang holistik dan berteraskan keadilan sejati. Pendekatan ini melengkapi sistem sivil yang lebih pragmatik, dan gabungan kekuatan kedua-duanya mampu memperkukuh integriti sistem kehakiman Malaysia dalam menghadapi cabaran keadilan kontemporari.

Rujukan

- Akta Keterangan 1950.
 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Negeri Sabah 2004.
 Ghasem Hozouri Hassan v PP [2018] 4 MLRA 169.
 Ismail, P. H. (2008). Kaedah pembuktian dalam kes hudud. *Jurnal Fiqh*, 5, 1-24.
 MGG Pillai v Tan Sri Dato Vincent Tan Chee Yioun [1995] 2 MLJ
 Mohd Rapini, A., & Md Noor, R. (2016). Syahadah dalam Undang-Undang Keterangan Mahkamah Syariah. In *Journal of Shariah Law Research* (Vols. 1–41–74) [Journal-article].
 Noor, R. Md. & Jabatan Syariah dan Undang-undang & Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Pembangunan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. (2008). KesaKsian Dalam KonteKs UnDang-UnDang Keterangan mahKamah syariah Di malaysia: analisis Dari PersPeKtif mazhab syafi'i. In *Jurnal Fiqh*: Vol. No. 5 (pp. 144–147).
 Public Prosecutor v Kirubakaran a/l Annadhurai [2020] MLJU 1080
 Ram August Tewari & Ors v Bindeshwari Tewari & Ors AIR 1972 Pat 142
 Rapini, A. M. (2018). Amalan semasa pengendalian saksi di Mahkamah Syariah di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Journal of Muwafaqat*, 1(2), 75–85. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
 Saifuddin, S. (2021). Darjah pembuktian bagi kesalahan hudud di bawah Enakmen Jenayah Syariah di Malaysia: Yaqin atau zan al-Ghalib? *INSLA e-Proceedings*, 4(1), 32–41. Universiti Sains Islam Malaysia.
 Saifuddin, S. ., Mohd Zahir, M. Z. ., Hashim, F. Y. ., Pg Musa, P. I. ., & Jamil, A. . (2025). Challenges in the Enforcement of Syariah Criminal Law on Social Media in Malaysia: A Review from the Perspective of Syariah Evidence Law. *Journal of Advanced Research Design*, 145(1), 42–54. Capaian daripada <https://akademiabaru.com/submit/index.php/ard/article/view/6782>.
 Saifuddin, S., Ali Tajuddin, H. H., Yahya, M. A., Abd Rahman, M. R., & Hashim, F. Y. (2024). *Examining The Application of Standard of Proof in Criminal Cases: A Comparative Analysis of Islamic Law and Common Law in Malaysia*. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11-22. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no1.491>.

- Suhaizad, S., Hashim, F. Y., Mohd Zahir, M. Z., & Ab Halim, A. H. (2025). Enforcement of Sharia criminal offences in cyberspace: Challenges from Malaysian legal perspective. *Prophetic Law Review*, 7(1), 25–46. <https://doi.org/10.20885/PLR.vol7.iss1.art2>.
- Vadivelu Thevar v State of Madras AIR 1957 SC 614
- Zulkifli, N. N. F. (2019). Kebolehterimaan Sumpah (Al-Yamin) Sebagai Keterangan: Analisis Terhadap Peruntukan Undang-Undang Dan Kes Di Mahkamah Syariah Shah Alam, Selangor. In Disertasi. Universiti Malaya.